



Portfolio : www.hafizismail.com
punjabiweddingphotographer.com
Facebook : www.wowphoto.my
Email : ebook@wowphoto.my
Contact : +6 03 6211 7886

Tentang Penulis

Hafiz Ismail ialah seorang Jurugambar Perkahwinan Antarabangsa & Potret dengan pengalaman lebih daripada 50,000 jam dalam menangkap gambar perkahwinan dari pelbagai budaya.

Beliau tinggal di Kuala Lumpur, Malaysia.



Pengenalan

Saya masih ingat lagi tugas perkahwinan rasmi saya yang pertama pada tahun 2006. Saya menggunakan Nikon D70s saya, lens 18-70mm dan lampu denyar SB600 saya. Klien saya ialah Ruvian dan Yati.

Itu adalah pendedahan pertama saya pada fotografi perkahwinan. Gambar saya tidaklah sebaik mana, tetapi pasangan itu menyukainya. Saya masih ingat lagi ketika saya menghantar album kepada mereka, bagaimana mereka menghargai gambar-gambar yang dirakam oleh saya.

Saya amat bersyukur kerana berpeluang untuk berjalan ke serata dunia - Amerika Syarikat, India, Brunei - untuk merakam imej-imej dari majlis perkahwinan yang indah. Setiap hari adalah satu cabaran bagi saya untuk menghasilkan yang lebih baik dari apa yang saya sudah hasilkan.

Untuk senarai pendek **25 Gambar Terbaik Saat Perkahwinan** adalah satu benda yang agak “gila” kerana saya benar-benar percaya pada kata-kata Henri Cartier-Bresson bahawa “*Your first 10,000 photographs are your worst*”.



Nimrit & Gurmit, Malaysia, 2011

Nikon D3, 1/250 f2.8 di 24mm dengan Nikkor 24mm f/2.8D.
2 Off Camera flash kiri dan kanan dengan 1/4 kuasa manual

17

The Wide Story

Kadangkala, anda perlu melihat sesuatu itu dengan sudut yang luas.

Saat ini dirakamkan semasa Gurmit & Nimrit sedang bersembahyang. Saya posisikan diri saya di sebelah kitab suci dan dengan menggunakan lensa 24mm, saya meletakkan pasangan di antara dua tiang.

Saya menggunakan 2 off camera flash yang saya letakkan di sebelah kiri dan kanan pasangan seperti ditunjukkan di bawah.



Emotion

Kadang-kadang, saya akan sarankan ibu bapa pengantin perempuan untuk terlibat sekali dalam saat penting anak mereka dengan menyuruh mereka berlakon. Lakonan ini mempunyai 50-50 peluang untuk tidak jadi atau sebaliknya.

Tapi bagi saya, ia selalunya berjaya.

Saya percaya, jika saya tidak menyuruh mereka berlakon, *moment* yang penting bagi keluarga ini tidak akan dapat diabadikan selama-lamanya.

Dan ini membantu saya mendapatkan imej “wajib” dan imej yang penting untuk dimuatkan di dalam album nanti.

Imej di kanan adalah imej yang terpilih dari 4 imej di bawah.

Tip-tip untuk anda

- 50-50 peluang untuk anda mendapat *moment* yang “jujur”. Buat sahaja!
- Kalau anda rasa anda tidak dapat merakam momen yang “wajib”, membuat lakonan kadang-kala dapat membantu.



Tim & Liz, Malaysia, 2010
Nikon D3, 1/400 f2.2 di 50mm dengan Nikkor 50mm f/1.4D



Lighted up

Amir & Zairin, Malaysia, 2011

Nikon D3, 1/125 f2.8 di 85mm dengan Nikkor 85mm f/1.8



Ada masanya saya suka majlis di dewan atau di hotel jika suasana dan perhiasannya cantik. Ada masanya tidak. Tetapi apa yang saya suka ialah apabila lampu sorot memancar ke pasangan pengantin dan sekeliling menjadi gelap.

Imej sebegini boleh memfokuskan pandangan kita ke pasangan pengantin. Dan boleh menjadi imej besar di dalam album nanti.

Tip-tip untuk anda

- Fahami mod Manual kamera anda. Anda perlu tahu membaca meter pendedahan dalam kamera anda.
- Saya suka Rule of Third (RO3) yang ekstrem. Fahaminya dan kadang-kadang anda boleh menghasilkan sesuatu yang lain dari yang lain.



Suasana setiap majlis perkahwinan/pernikahan berlainan antara satu sama lain. Tetapi apa yang pasti ialah anda akan dapat melihat emosi-emosi yang unik!

Tugas saya ialah untuk merakam *moment* dan emosi yang kadang kala tidak nampak pada mata kasar. Kamera saya akan sentiasa berada dalam keadaan bersedia kerana saya tidak mahu terlepas merakam emosi yang berlaku di depan atau di belakang saya. Kerana saya tahu, emosi begini akan berlaku dalam sekelip mata.

Moment di bawah berlaku sesudah Syaiful bergelar suami yang sah kepada Hezne. Abang Syaiful meluru ke Syaiful dan memberikan Syaiful satu pelukan. Syaiful dan abangnya mula menangis.

Saat begini yang kadang-kadang fotografer selalu terlepas pandang. Cara yang selamat ialah untuk tidak meninggalkan pasangan anda sehingga anda dapat merakamkan emosi dan *moment* yang anda mahu.



Timeless Moment

Syaiful & Hezne, Malaysia, 2010

Nikon D3, 1/250 f2.8 di 24mm dengan Nikkor 24mm f/2.8D.

Lampu denyar dengan 1/16 kuasa manual